

Headline	Diskaun bil elektrik sektor terjejas COVID-19		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	15 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	163 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,244		



Diskaun bil elektrik sektor terjejas COVID-19

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memberi diskaun bil elektrik kepada sektor yang terjejas berikutan penularan COVID-19.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarali, berkata diskaun itu antara inisiatif akan dilaksana mengikut pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

“Di samping memberi diskaun bil elektrik kepada sektor terjejas dengan penularan wabak COVID-19, Saya akan memastikan industri bekalan elektrik negara menyokong usaha kerajaan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi dengan mempercepatkan pelaksanaan projek tenaga boleh bahan dan pembangunan infrastruktur bekalan elektrik negara,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Shamsul Anuar berkata, beliau akan meneliti perancangan dibuat dalam sektor tenaga bagi memastikan inisiatif dirancang, bertepatan hasrat dan dasar kerajaan baharu.

“(Juga) akan mengumumkan hala tuju industri bekalan elektrik negara di bawah kerajaan baharu selepas mendapat penjelasan terperinci mengenainya,” katanya.

Dalam pada itu, Shamsul Anuar berkata, kementeriannya akan meneruskan Ops Bersepadu Khasanah secara besar-besaran tahun ini bagi melindungi kepuasan hidupan liar.

“Operasi ini akan diteruskan tahun ini secara besar-besaran bagi mencapai sasaran *zero poaching* dalam jangka masa panjang. Kementerian komited untuk meningkatkan usaha bagi meminimumkan isu konflik manusia dengan hidupan liar yang sering dihadapi rakyat.

“Kempen spesifik seperti ‘selamatkan Harimau Melayu’ akan terus dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama strategik badan korporat serta rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Beliau berkata, usaha mengarusperdana pengurusan biodiversiti dalam sektor seperti kesihatan, pelancongan, pertanian, perludungan dan komoditi, perlombongan, infrastruktur dan tenaga, pengangkutan serta perindustrian akan dilipat gandakan.

“Kementerian melalui Jabatan Biokeselamatan akan meningkatkan pengawal seliaan aktiviti kegunaan terkawal serta pelepasan organisme diubahsuai yang hidup.

“Ini bertujuan memastikan perkembangan pesat bioteknologi moden tidak akan membawa sebarang kemudaratuan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam sekitar,” katanya.